

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 FEBRUARY 2017

Kuasai pelbagai bahasa syarat jadi negara maju

BH-10/2/2017

→ PM mahu rakyat bersedia hadapi era globalisasi, jaringan dunia luar

Oleh **Hardi Effendi Yacob**
hardi@bh.com.my

■ **Kuching**

Datuk Seri Najib Razak menggesa rakyat supaya menguasai lebih daripada satu bahasa dalam mendukung usaha kerajaan menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi.

Perdana Menteri berkata, penguasaan lebih daripada satu bahasa itu juga penting bagi menuju era globalisasi, termasuk mewujudkan jaringan perhubungan dengan dunia luar.

"Melihatkan senario global kini, kita perlu menguasai kepelbagaian bahasa bagi memastikan kemajuan yang konsisten untuk negara. Dunia kini bergerak pantas, satu-satunya cara untuk kita berhubung dengan dunia luar dan kekal berdaya saing ialah melalui penguasaan kepelbagaian bahasa," katanya ketika merasmikan blok baharu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chung Hua No. 4 di Jalan Nanas, di sini, semalam. Perdana Menteri yang juga Pe-

nggerusi Barisan Nasional (BN) dalam lawatan kerja tiga hari ke Sarawak, khusus bagi meninjau perkembangan kempen BN sempena Pilihan Raya Kecil (PRK) Tanjung Datu.

Yang hadir sama, Ketua Menteri, Datuk Amar Abang Johari Openg; Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II negeri, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan dan Menteri Kewangan II Sarawak, Datuk Seri Wong Soon Koh.

Bahasa Mandarin penting

Selain bahasa Inggeris, Najib berkata, rakyat juga boleh mengambil inisiatif mempelajari, seterusnya menguasai bahasa Mandarin, sekali gus memanfaatkan kemajuan China yang kini muncul sebagai antara kuasa ekonomi terbesar dunia.

"Ini tidak bermakna kita menyetepikan kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Itu lambang jati diri kita, cuma lebih baik dan mendatangkan banyak manfaat jika kita mampu menguasai lebih satu bahasa," katanya.

Sementara itu, Najib menyatakan komitmen kerajaan terus mengutamakan pendidikan rakyat



Ini tidak bermakna kita menyetepikan kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Itu lambang jati diri kita, cuma lebih baik dan mendatangkan banyak manfaat jika kita mampu menguasai lebih satu bahasa"

Najib Razak,
Perdana Menteri

tanpa mengabaikan kepentingan kaum dan etnik di negara ini.

Malah, katanya, rakyat berhak menikmati kemudahan pendidikan sempurna, termasuk di kawasan pedalaman dan luar bandar khususnya di Sarawak.

"Perlu ada akses pendidikan sempurna dan berkualiti untuk rakyat. Ia satu pelaburan jangka panjang' untuk membawa kemajuan kepada negara, sekali gus mengubah taraf hidup rakyat," katanya.

Sebagai Menteri Kewangan, Najib berkata, beliau tidak pernah mengabaikan pendidikan kaum Cina, malah turut menyediakan peruntukan RM50 juta setiap tahun, selain peruntukan tambahan dari semasa ke semasa ketika lawatan kerjanya bagi memenuhi permintaan dan permohonan.

Bagaimanapun, kebergantungan terhadap dana kerajaan semata-mata harus dielakkan, sebaliknya peranan komuniti perlu juga dipertingkatkan bagi tujuan itu.

"SJKC Chung Hua No 4 contohnya membabitkan 'perkongsian pintar' antara Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, syarikat kontraktor dan sumbangan komuniti. Ia ke-

lihatan seperti kolej atau universiti, lengkap kemudahan moden. Tidak sangka ia sekolah rendah, pencapaian ini amat dikagumi dan perlu dicontohi," katanya.

Jaminan kebebasan beragama

Sementara itu, Najib memberi jaminan kebebasan beragama dalam kalangan rakyat negara ini terus dipertahankan kerana ia tunjang utama keamanan dikecapi.

Katanya, perkara itu yang termaktub dalam Artikel 3 Perlembagaan Persekutuan perlu dihormati semua pihak, malah tidak boleh dipertikaikan langsung.

"Semua agama harus dibenarkan diamalkan secara aman dan harmoni tanpa gangguan. Dalam keadaan apa sekalipun prinsip itu kita harus hormati dan pertahankan atas semangat 1Malaysia. Ini rahsia kejayaan kita mengekalkan perpaduan di Malaysia," katanya ketika tinjauan mesra dan melawat projek pembinaan Gereja Katolik St Ann, Kota Padawan, di sini, malam tadi.